

Takkan KL macam ni!

STATUS kota metropolitan menyaksikan ada sahaja projek pembangunan dan kerja-kerja menaik taraf pelbagai kemudahan dibuat di Kuala Lumpur.

Kerja-kerja menaik taraf itu bertujuan meningkatkan prasarana dan kemudahan yang ada di ibu kota, bagi kemudahan warganya.

Bagaimanapun, sikap sambil lewa kontraktor atau pemaju ketika menjalankan kerja-kerja tersebut boleh mengundang padah kepada pengguna, terutama jika ia melibatkan kerja-kerja pendawaian elektrik.

Misalnya, tinjauan Jurugambar *Utusan Malaysia*, Fariz Rusadio di sekitar Jalan Jelatek mendapati, kerja-kerja pendawaian elektrik di tepi jalan di situ, tidak dilakukan dengan sempurna apabila kabel dibiarkan terdedah dan boleh mengundang bahaya kepada orang ramai.

Bayangkan apa yang akan berlaku jika hujan dan kawasan tersebut dilanda banjir kilat? Justeru, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu lebih cakna dengan memantau setiap projek dan kerja naik taraf yang dijalankan bagi mengelak insiden tidak diingini. Beringat sebelum bencana berlaku.



■ KABEL elektrik di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur yang tidak diurus dengan sempurna, mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya terutama dalam keadaan cuaca tidak menentu sekarang.
- UTUSAN/FARIZ RUSADIO